

**Kerajaan Disaran Tubuh Jawatan Kuasa Selesai Isu Perumahan Rakyat  
Bernama  
27 September, 2012**

PETALING JAYA, 27 Sept (Bernama) -- Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) menyarankan kerajaan menubuhkan jawatankuasa perumahan negara, bagi menangani masalah ketidakmampuan rakyat memiliki rumah.

Presiden Cuepacs Datuk Omar Osman berkata jawatankuasa itu antara lain perlu merombak sistem pemohonan perumahan kos rendah dan sederhana, bagi memastikan pembelinya hanya mereka yang tidak memiliki rumah dan berpendapatan rendah.

Beliau berkata harga hartanah yang semakin melambung menyebabkan golongan kaya membeli rumah untuk dijadikan pelaburan.

"Golongan berpendapatan rendah pula terpaksa terus menyewa. Isu perumahan ini semakin kritikal, kalau tidak ditangani segera semakin ramai yang tidak akan mampu memiliki rumah," katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat agung dwitahunan Kesatuan Pembantu Am Pejabat Perkhidmatan Awam Semenanjung Malaysia, di sini Khamis.

Menurutnya Cuepacs juga telah mengadakan perjumpaan dengan Jabatan Perbendaharaan, Syarikat Perumahan Nasional Berhad, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan wakil bank dua minggu lepas membincangkan isu itu.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=697701>